Oleh: **SHARIL NIZAM SHA'RI**
Foto: **Sabri Omar**

Homecoming III satukan alumni

SERDANG (3 Sep.) – Persatuan Alumni dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni berjaya menganjurkan Majlis Makan Malam Homecoming 'Sirih Pulang ke Gagang' kali ke-3 yang di adakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Majlis yang berlangsung dalam suasana meriah itu berjaya mengumpulkan kira-kira 1,000 alumni UPM dari seluruh negara. Inilah masa yang ditunggu oleh semua alumni untuk kembali ke kampus yang membangkitkan seribu satu nostalgia dalam kamus hidup mereka.

"Homecoming III berjaya menemukan kembali alumni di era yang berbeza-beza , iaitu Zaman kolej Pertanian Malaya, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Dengan tujuan mengukuhkan dan memperluas lagi jalinan persahabatan yang sudah lama terbina," kata Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Prof. Madya Dr. Rohani Ibrahim.

Beliau yang juga Pengarah Pusat Perkhidmatan kerjaya dan Alumni UPM menambah melalui program seumpama ini dapat menyingkap semula lipatan sejarah UPM kerana institusi ini hampir genap 75 tahun penubuhannya dan ramai melahirkan alumni cemerlang dalam pelbagai bidang.

Majlis yang dinanti-nantikan ini menjadi tradisi dan platform untuk alumni pulang ke kampus bagi mengimbau kembali nostalgia serta saat-saat menggembirakan semasa berada di kampus ini dahulu.

Para alumni UPM berkesempatan menyertai perlawanan ragbi antara Serdang Angel (pasukan UPM) menentang Ex-Angel yang diwakili alumni UPM. Bagi yang tidak berkesempatan untuk bermain ragbi mereka memenuhi padang golf UPM untuk satu pertandingan khas golf di Kelab Golf UPM.

Melalui majlis ini dapat meningkatkan motivasi dan keinsafan untuk alumni dan warga universiti memberi sumbangan yang lebih besar untuk kemajuan UPM khususnya dan amnya untuk bangsa, agama dan negara.

Majlis tersebut turut dihadiri Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Mohd Zohadie Bardaie, Presiden Persatuan Alumni, Dato' Mohd Noor Ismail, Ahli Lembaga Pengarah UPM, Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pak Rashid, Timbalan-timbalan Naib Canselor, dan pegawai-pegawai kanan UPM.